



Rekaan grafik Masturah dapat sambutan

Pertama kali menerima 'upah' menyiapkan produk sticker milik syarikat bapa saudaranya sedikit sebanyak menyuntik semangat Masturah Zainal untuk menjinakkan diri dalam dunia perniagaan.

Biarpun tiada pengalaman dalam selok-belok perniagaan, Masturah yang masih bergelar mahasiswa yakin impiannya membuka syarikat berkaitan rekaan grafik suatu masa nanti mampu dicapai jika disertai kesungguhan dan komitmen yang tinggi.

Bermula secara kecil-kecilan di Universiti Putra Malaysia (UPM), beliau yang juga mahasiswa Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian) mula mendalami bidang reka bentuk grafik dengan memahirkannya menggunakan komputer, perisian dan teknologi yang berkaitan.

"Grafik adalah bidang yang mampu menonjolkan bakat dan kreativiti seseorang melalui penghasilan kerja visual seni mereka. Setiap susun letak grafik memerlukan daya imajinasi yang tinggi bagi menggambarkan sesuatu yang menarik untuk dikongsi bersama.

"Melihat apa yang dihasilkan, terdetik dalam hati kenapa tidak saya kongsi dengan orang lain dan itulah titik permulaan saya untuk mempromosi dan memasarkan karya saya kepada pelanggan," katanya.

Sejak itu, Masturah mula lebih serius mendalami teknik dan strategi yang diperlukan bagi memastikan setiap reka bentuk grafiknya mempunyai kualiti seterusnya diterima ramai.

Katanya, permintaan mula diterima khususnya dari fakulti, persatuan pelajar malah universiti dan syarikat luar bagi menyiapkan



Masturah sibuk menyiapkan rekaannya.

kan reka bentuk grafik untuk poster, pemedang, logo korporat atau syarikat, buku program, pelekat dan tag.

"Sebelum memulakan kerja grafik, saya biasanya mengkaji dulu tema program dan kumpulan sasaran bagi setiap projek yang diterima. Pemilihan elemen dan warna yang bersesuaian penting bagi memastikan karya menepati cita rasa atau tema.

"Saya mendapat kepuasan apabila menggabungkan seni halus dan grafik dalam menghasilkan rekaan susun letak lebih santai. Elemen ini pastinya mewujudkan suasana tenang," katanya.

Cabaran perniagaan

Modal bagi menjayakan perniagaan berkenaan tidak terlalu besar kerana hanya membabitkan penggunaan

kertas dan kos percetakan. Bagi mengurangkan kos, Masturah berunding dengan syarikat percetakan bagi mendapatkan harga yang lebih murah.

GRAFIK ADALAH BIDANG YANG MAMPU MENONJOLKAN BAKAT DAN KREATIVITI MELALUI PENGHASILAN KERJA VISUAL SENI"

Masturah Zainal

Biarpun masih berskala kecil, Masturah berkata, beliau tetap meneruskan hasrat mengembangkan perniagaan apabila tamat pengajian kelak kerana yakin mampu menjana pendapatan tinggi.

"Dalam perniagaan, kita perlu bijak mengatur perancangan dan berani berdepan cabaran. Begitu juga dalam hendak mengimbangi tanggungjawab sebagai mahasiswa dan kerja sambilan ini

juga bukan satu masalah besar jika kita bijak bahagikan masa. Dalam karya pula, setiap individu mempunyai pandangan dan terjemahan berbeza, dan ada kalanya karya yang dihasilkan mendapat kritikan," katanya.